

Newspaper	Harakah
Date	12/11/2012

Harakah - 12/11/2012

## Faham sekular kelirukan Dr M mengenai hudud

Oleh ALI BUKHARI AMIR

ASAS falsafah dan faham sekular masih kuat mengikat fikiran Dr Mahathir Mohamad walaupun beliau Muslim. Di sinilah dapat kita lihat jalur warna pemikiran sekular bekas Perdana Menteri itu.

Menjadi seorang Muslim, bukanlah jaminan yang kuat bahawa kita semestinya akan berfikir sebagai seorang Muslim. Kita mungkin berfikir seperti manusia sekular juga. Orang sekular menolak kepercayaan hari akhirat.

Atau orang sekular mungkin terlupa mengenai balasan akhirat. Atau, mungkin Dr M tidak mengerti kedudukan hudud yang diperintahkan agar kita melaksanakannya berdasarkan bukti. Dan, kalau tidak cukup bukti maka hendaklah dilepas saja kepada Tuhan untuk dilaksana hukuman-Nya itu di akhirat kelak.

Maka, di sana Allah SWT akan menghakimi insan yang berdosa di akhirat kelak jika mereka tidak bertaubat di dunia. Atas kefahaman tentang wujudnya pembalasan Allah pada hari akhirat, maka perbincangan mengenai hudud ini pun boleh dimulakan.

Pertamanya, Dr M hendaklah meyakini bahawa hudud adalah hukum dan hukuman Allah yang diperintahkan Tuhan zaman-berzaman sejak era kerasulan terdahulu; Ibrahim, Musa, Isa dan akhirnya diperintahkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w dan umat baginda sehinggalah ke akhir zaman.

Jadi, hudud ini bukanlah perkara baru, malah ia sudah pun dilaksana zaman berzaman. Hukuman qisas telah wujud sejak zaman Musa dan nabi sebelum kelahiran Muhammad s.a.w lagi. Hudud kekal merentasi zaman.

Akta-akta ciptaan manusia hari ini pun akan terhapus dan terbatal oleh peralihan waktu, perubahan fikiran, tapi hudud itu sejak zaman Ibrahim, Musa dan hingga kiamat. Undang-undang hudud tercatat dalam Taurat, Injil dan kini al-Quran.

Inilah yang mesti difahami, disedari oleh Dr Mahathir mengenai hakikat hudud dan bezanya dengan undang-undang manusia yang boleh dibatalkan di Parlimen itu. Ya, kenyataan Dr M ini akan menghiris jiwa Yahudi dan Nasrani di akhirat ketika hari pembalasan.

"Apabila kita guna hukum hudud, yang Muslim dikenakan hudud, tapi yang bukan Muslim dibebaskan. Di mana keadilan

Islam?" kata Dr Mahathir dalam suatu sidang media ketika ditanya para wartawan mengenai hudud.

Ucapan seperti ini menunjukkan bahawa Dr Mahathir seolah-olah berfikir bahawa, setiap dosa yang terlepas hukuman di dunia akan terlepas hukuman di akhirat. Kita mesti yakini bahawa Allah maha adil. Adakah dosa insan yang terlepas daripada hudud di dunia ini akan terlepas hukumannya di akhirat. Sesekali tidak!

Bagi saya, ini adalah perkara pokok yang menentukan jatuh bangunnya akidah setiap orang yang mengaku Muslim. Setiap Muslim wajib percaya kewujudan hari akhirat sebagai hari pembalasan. Surah al-Fatihah menamakan hari ini sebagai Yaum ad-Din, iaitu hari di mana setiap pendosa akan dijatuhkan hukuman.

Jadi, manusia yang sudah terkena hudud di dunia atau mereka yang telah diampuni Allah kerana bertaubat di dunia sebelum tiba ajalnya, akan terlepaslah daripada hukuman hudud Tuhan di akhirat kelak. Di sini, terjadi salah faham dalam fikiran sekular Dr Mahathir apabila beliau melihat hudud itu cuma dilaksana di dunia saja.

Maka, jelas bagi kita bahawa hukum Islam adalah adil. Mereka yang lari daripada hudud di dunia, tetap tidak terlepas hukuman Tuhan di akhirat. Dan, mereka yang telah pun dihukum secara hudud di dunia, tidak akan dihukum lagi oleh Tuhan di akhirat kelak.

Orang yang mengguna duit umat, mengambil komisen kapal selam dan terlepas daripada hukuman hudud di dunia akan terima hudud Tuhan di akhirat. Jadi jangan sesekali Dr M melihat, bahawa hudud dunia yang akan membebaskan orang tertentu dengan sendirinya telah membuktikan bahawa hudud itu tidak pernah adil.

Pendosa yang bebas di bawah hukum hudud lantaran ketiadaan bukti yang cukup akan menerima padahnya di akhirat. Begitulah juga orang bukan Islam yang tidak bersedia dihukum di bawah hudud itu akan menerima juga habuannya pada hari akhirat.

Adapun punca kenapa Dr M melihat hudud tidak adil sehingga kini, adalah disebabkan beliau berfikir dalam kerangka falsafah sekular yang menolak akhirat, atau beliau seperti terlupa kedudukan akhirat sebagai hari pembalasan ke atas orang yang terlepas hukum hudud di dunia ini. Wallahu'alam.